

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 3 JANUARI 2024
 AKHBAR : SINAR HARIAN
 MUKA SURAT : 6

PADU tingkatkan hasil negara

PADU tingkatkan hasil negara

Langkah reformasi kawal perbelanjaan dalam keadaan ekonomi negara yang mencabar

Oleh **NURATKHA ATHILYA HASSAN**
SHAH ALAM

Pangkalan Data Utama (PADU) merupakan reformasi untuk mengawal perbelanjaan dan meningkatkan hasil terhadap ekonomi negara yang semakin mencabar.

Menteri Ekonomi, Rafizi Rami berkata, perbelanjaan subsidi yang tidak dikawal akan memberi kesan kepada hutang negara.

"Ia perlu ditangani segera untuk mengelakkan status negara menusuk akan memberi tekanan kepada peningkatan perbelanjaan kerajaan khususnya daripada segi pemberian bantuan dan perlindungan sosial.

"Isu-isu ketirisan dan ketidakcekapan perbelanjaan kerajaan termasuk pengagihan subsidi dan bantuan masih berterusan.

"Kaedah yang dilaksanakan sekarang dilihat masih mempunyai ruang untuk diperbaiki dengan lebih baik bagi memastikan lebih ramai rakyat Malaysia (yang layak) menerima manfaat daripada subsidi dan bantuan," katanya ketika berucap di Majlis Peluncuran PADU pada Selasa.

Majlis itu dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

Menurut Rafizi, kerajaan perlu mengambil langkah berani dengan beralih kepada penyusunan semula subsidi walaupun ia akan memberi kos politik yang tinggi kepada Kerajaan Perpaduan.

Ujarnya, sistem PADU adalah sebahagian daripada tendakan proaktif dan responsif yang dilaksanakan oleh kerajaan sejajar dengan kerangka Ekonomi Madani iaitu Memperkasa Rakyat.

"Inisiatif ini memberi tumpuan kepada usaha untuk menstrukturkan semula ekonomi kita arah menjadikan Malaysia sebagai peneraju ekonomi Asia dan akhirnya membenarkan hasil kepada rakyat untuk menikmati kehidupan yang lebih bermutu.

"Mungkin nampak ia hanya satu pangkalan data tetapi perkara ini merajai cabaran besar kepada semua agensi kerajaan kerana untuk mengatur dan mendapat persetujuan bukan mudah kecuali perkara itu datang daripada Perdana Menteri dan disokong Jemaah Menteri," jelas beliau.

Katanya, pembangunan sistem itu merupakan sebahagian daripada usaha ke arah Govtech melalui penyediaan pangkalan data utama negara yang selamat, komprehensif dan near real time yang membolehkan analisis data lebih tepat dihasilkan.

"PADU juga menyokong tiga aspek utama yang diberi penekanan dalam Govtech iaitu perkhidmatan awam mudah diakses dan berpaksikan rakyat, transformasi kerajaan digital serta sistem kerajaan yang cekap, telus dan tidak rumit.

"Ketersediaan PADU akan membantu pengubalan dasar dan proses pembuatan dasar berpandukan data dan harapan saya ia akan menjadi satu lonjakan untuk kita meningkatkan martabat perkhidmatan awam negara dan kerajaan kepada seluruh rakyat," ujarnya.

Jelas Rafizi, sistem itu merangkumi profil individu yang mengandungi maklumat asas demografi, alamat, pendidikan, isi rumah, pekerjaan, pendapatan, komitmen dan bantuan diterima.

"Walaupun pelbagai maklumat diintegrasikan dalam sistem PADU, namun masih terdapat maklumat perlu dikemas kini oleh setiap individu melibatkan 39 variabel yang akan menjamin kesahihan maklumat dan data serta mengambarkan status terkini rakyat.

"Ia termasuk menambah baik mekanisme penentuan kumpulan sasaran, memperkemas saluran penyampaian dan membolehkan pelaksanaan program yang lebih berkesan," jelasnya.

Dalam pada itu, Rafizi memaklumkan sistem itu dapat membantu kerajaan untuk menyediakan pengukuran kedudukan sosioekonomi rakyat yang lebih tepat dan mengelakkan kecaciran berdasarkan pendapatan boleh guna bersih.

Ujar beliau, kaedah pengukuran tersebut mengambil kira jumlah tanggungan dan bilangan isi rumah, kos sara hidup mengikut lokasi, jarak ke tempat kerja serta pemilikan aset seperti rumah, kenderaan dan tanah.

"Pendekatan ini juga membolehkan kerajaan beralih daripada konsep B40, M40 dan T20 tetapi lebih melihat kepada kewajaran pemberian bantuan berdasarkan kriteria ditetapkan," jelas Rafizi.



RAFIZI

Pengguna kecewa tidak terima OTP daftar PADU

SHAH ALAM - Orang ramai berdepan masalah nombor pas pengesahan transaksi (OTP) ketika melakukan pendaftaran selepas satu jam laman sesawang Pangkalan Data Utama (PADU) dibuka pada tengah hari Selasa.

Menteri Ekonomi, Rafizi Rami berkata, masalah itu didapati hanya melibatkan pengguna talian Celcom manakala pengguna telco lain tidak ada masalah.

"Perkara ini sedang dikendalikan pasukan PADU dan MCMC. Pautan bagi sistem tersebut adalah padu.gov.my," katanya dalam hantaran di aplikasi X.

Sementara itu, rata-rata pengguna aplikasi X meluahkan kekesalan apabila tidak menerima OTP menyebabkan mereka gagal untuk mendaftar dalam sistem berkenaan.

"Pengguna akaun @nght_luck_fit agak kecewa dan memuat naik tangkap layar yang memaparkan tujuh permentan OTP yang sudah dilakukan tetapi masih gagal untuk melakukan pendaftaran.

Turut menerima nasib sama, @ryazqng yang menyifatkan perkhidmatan talian itu sentiasa lambat dan akan menerima nombor tersebut setelah masa tamat.

"Selalunya akan dapat bila tempoh dah tamat. Terpaksa request semula dan menyebabkan lebih lama delay," katanya.

Kawasan Berseka & Akses Internet

- Pengesahan kod OTP secara atas talian melalui peranti peribadi di portal PADU

Kawasan Luar Berseka & Tanpa Akses Internet

- Pendaftaran secara manual menggunakan Borang
- Help Desk/ Jajarah

Maaf Pengesahan

- Sekiranya tiada peranti peribadi, kemudi ini boleh dilakukan di:
- Pejabat Daerah/ Penghulu/ PBT
- Pusat Ekonomi Digital
- Premis agensi kerajaan Persekutuan/ Negeri

- Pejabat Daerah/ Penghulu/ MPAK/ PBT
- Pusat Ekonomi Digital
- Pusat Internet Desa
- Premis agensi kerajaan Persekutuan/ Negeri

*SARAFI PUA